

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIB/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 23 OKTOBER 2019, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 44

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1423-L06449
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan tindakan Kerajaan untuk merancang perkembangan ekonomi dan membantu pengusaha perniagaan kecil-kecilan dalam waktu yang mencabar ini.

2. PR-1423-L06123
Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan jumlah rakyat dari Sarawak yang bekerja dengan pelbagai syarikat (pembalakan, pembinaan, minyak & gas) di luar negara (seperti di Solomon Island, Surinam, benua Afrika dan Arab). Adakah Kerajaan sedar selalunya berlaku masalah di antara pekerja dan majikan yang akhirnya membebankan Kerajaan dan wakil rakyat.

3. PR-1423-L06611
Tuan Pang Hok Liang [Labis] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan memandangkan operasi sindiket ceti haram atau 'Ah Long' ganas dan berbahaya semakin meningkat setiap hari dan ramai telah menjadi mangsa sindiket, sama ada pihak Kementerian akan menggubal Akta Pemberi Pinjaman Wang 1951 untuk mengenakan hukuman penjara mandatori dan penyitaan/pelucutan hak semua harta-harta alih dan tidak alih milikan pesalah dan keluarganya.

4. PR-1423-L06481
Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan konsep sebenar klinik U.n.i, dan apakah keistimewaan dan kelainan klinik tersebut berbanding dengan Klinik 1Malaysia dari aspek perkhidmatan kesihatan awam kepada golongan B40.

5. PR-1423-L06251
Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengurangkan kejadian bunuh diri yang makin meningkat di negara kita.
6. PR-1423-L06260
Tuan Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjong Manis] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan untuk menambah aset dan anggota untuk Balai Bomba di Bandar Baru Tanjong Manis. Kejadian kebakaran hutan dan rumah panjang yang berlaku baru-baru ini di Parlimen Tanjong Manis mengalami masalah kekurangan aset dan anggota untuk memadam kebakaran hutan seperti di Kg. Sedik dan kawasan-kawasan lain dan aset, seperti bot yang dipasang alat pemadam api, ketika berlaku kebakaran rumah panjang di Stalun yang tiada hubungan jalan darat.
7. PR-1423-L05862
Dato' Sri Dr. Santhara [Segamat] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan statistik peruntukan geran yang diberikan kepada setiap MPKK (kampung) dan bagaimana projek-projek kampung diberikan prioriti utama, seperti memperbaiki jalan raya, pemasangan lampu jalan dan lain-lain kemudahan asas seperti air dan elektrik (seperti lampu jalan), khususnya di Parlimen Segamat.
8. PR-1423-L06297
Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah pihak Kementerian akan mengutamakan kerja penyelenggaraan dan pembaikan jalan raya persekutuan di negeri Kelantan yang menjadi laluan perhubungan utama Pantai Barat dan Pantai Timur.
9. PR-1423-L06881
Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah Kementerian untuk membendung penjualan atas talian rokok elektronik di kalangan remaja bawah umur.
10. PR-1423-L06752
Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi menjaga kebajikan keluarga mangsa tragedi tembakan di Masjid Christchurch, New Zealand.

11. PR-1423-L06046
Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan usaha-usaha Kementerian bagi mempromosikan produk yang dihasilkan oleh usahawan desa dan membantu golongan ini menembusi pasaran antarabangsa.
12. PR-1423-L05996
Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [Besut] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini berkaitan projek pembinaan "*High Dependency Ward*" di Hospital Besut.
13. PR-1423-L06984
Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
 - (a) apakah inisiatif yang akan diambil oleh Kerajaan dalam menjamin kesejahteraan penduduk selepas insiden lif terhempas di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kerinchi awal Ogos lalu ; dan
 - (b) adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan sebuah perbadanan yang dikawal oleh Kerajaan Persekutuan dengan meletakkan penyelenggaraan PPR di bawahnya.
14. PR-1423-L06786
Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan langkah yang telah diambil untuk membangunkan potensi dan peluang usahawan di daerah Sik bagi meningkatkan taraf ekonomi penduduk Sik yang masih berada dalam senarai daerah termiskin di Semenanjung Malaysia.
15. PR-1423-L06925
Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah fokus dan strategi daripada Kementerian dalam mempromosikan Sabah, khususnya Sandakan sempena Tahun Melawat Malaysia 2020.
16. PR-1423-L06304
Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah perancangan baru dalam memperkasakan ekonomi masyarakat luar bandar serta mempertingkatkan lagi peluang pekerjaan di kalangan anak-anak muda dan berapakah statistik terkini kadar migrasi golongan muda dari luar bandar ke bandar kerana peluang pekerjaan.

17. PR-1423-L06496
Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kementerian berhasrat untuk meletakkan kuota rumah mampu milik untuk setiap pembangunan perumahan yang baharu bagi memastikan lebih banyak rumah mampu milik dibina.

18. PR-1423-L06466
Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai formula dan peruntukan khusus bagi menangani masalah obesiti di kalangan kanak-kanak.

19. PR-1423-L05972
Tuan Yamani Hafez bin Musa [Sipitang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan jumlah projek pembangunan luar bandar yang sudah diluluskan untuk Sabah dan Sarawak sepanjang menerajui Kementerian sehingga bulan September 2019, dan pecahan mengikut kategori projek-projek kecil luar bandar.

20. PR-1423-L06384
Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan statistik hutang negara terkini (Mei 2018 – September 2019) dan apakah peranan Tabung Harapan dalam membantu menyelesaikan masalah hutang negara.

21. PR-1423-L06017
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan berikutan pelancongan domestik boleh memainkan peranan untuk memacu ekonomi tempatan dengan perbelanjaan melebihi RM92.5 bilion pada tahun 2018, apakah perancangan Kementerian untuk menambah bilangan pelancong domestik sempena Tahun Melawat Malaysia 2020.

22. PR-1423-L07191
Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan berapa jumlah permohonan yang telah berjaya bagi Program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) dan nyatakan jumlah pemohon MM2H mengikut warganegara.

23. PR-1423-L06460

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah persediaan Kementerian menguatkuasakan larangan merokok di tempat awam sepenuhnya bermula 1 Januari 2020. Apakah kadar pematuhan sejak larangan ini mula dikuatkuasa tahun ini dan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian dalam hal ini.

24. PR-1423-L06275

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan penjelasan terhadap sepucuk surat bertarikh 26 Julai 2019 yang telah menyatakan bahawa Kerajaan telah menganugerahkan projek secara rundingan terus kepada sebuah syarikat untuk pembinaan Bangunan Gunasama Persekutuan Kota Bharu di Tunjong, Kelantan bernilai RM450 juta.

25. PR-1423-L06612

Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah positif akan diambil untuk menyakinkan atau memaksa institusi-institusi perbankan untuk melonggarkan pemberian kemudahan pinjaman kepada syarikat-syarikat, peniaga-peniaga dan pembeli-pembeli hartanah supaya ekonomi dapat dirangsang.

26. PR-1423-L06315

Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kemajuan terkini, tempoh kebolehsiahan dan tarikh boleh guna pakai:-

- (a) Lebuh Raya Pantai Barat (Banting Ke Changkat Jering, Taiping) ; dan
- (b) projek naik taraf laluan FT60 dari Damar Laut ke Changkat Jering.

27. PR-1423-L07163

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Projek Bangunan Gunasama Persekutuan di Tunjong, Kota Bharu diluluskan oleh bekas Perdana Menteri sewaktu BN menjadi *caretaker government* dan sekiranya ya, sama ada bekas kelulusan tersebut merupakan cara berkempen oleh bekas Perdana Menteri tersebut bagi pihak Barisan Nasional.

28. PR-1423-L07009
Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan langkah untuk memperkenalkan industri baru kepada petani dan pekebun luar bandar supaya tidak hanya bergantung kepada penanaman sawit dan getah.
29. PR-1423-L06252
Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan bilakah masalah rangkaian kesinambungan internet yang memuaskan akan dijaringkan di kawasan Jelutong, Pulau Pinang bagi mengatasi masalah sambungan jalur rangkaian internet yang kurang memuaskan.
30. PR-1423-L05887
Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah usaha pihak Kementerian dalam menyediakan rangkaian telekomunikasi di kawasan-kawasan pedalaman yang masih belum mendapat capaian talian telekomunikasi terutamanya di dalam kawasan Parlimen Kinabatangan.
31. PR-1423-L06242
Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah sisa pepejal haram yang berada dalam pengetahuan pihak Kementerian dan apakah kaedah yang diambil bagi menyelesaikan masalah sisa pepejal ini.
32. PR-1423-L07051
Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dasar dan inisiatif yang dilaksanakan bagi menangani kejatuhan mata wang ringgit dan implikasinya terhadap ekonomi dan rakyat di negara ini.
33. PR-1423-L06777
Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah mekanisme yang digunapakai oleh pihak Kementerian dalam mengawal agensi pelancongan umrah dan haji agar tidak mengenakan caj berlebihan susulan daripada langkah Kerajaan Arab Saudi mengenakan caj tambahan visa umrah.

34. PR-1423-L06758

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah langkah persediaan yang diambil Kementerian dalam berhadapan isu keselamatan yang mungkin timbul dalam proses pelaksanaan teknologi generasi kelima (5G) di Malaysia.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R 32/2019) Rang Undang-Undang Perbekalan 2020 – **Menyambung semula perbahasan atas masalah, " Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," (22 Oktober, 2019)**

DAN

Usul dibuat oleh YB Menteri Kewangan dan masalah dicadangkan :-

"Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari lima puluh lapan bilion ringgit (RM58,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2020, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2020, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 Tahun 2019, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut."

Menyambung semula Perbahasan atas masalah (22 Oktober, 2019)

2. (D.R. 33/2019) Rang Undang-Undang Kewangan 2019 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri Kewangan]
3. (D.R. 29/2019) Rang Undang-Undang Mata Wang 2019 **"**
[Menteri Kewangan]
4. (D.R 30/2019) Rang Undang-Undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2019 **"**
[Menteri Kewangan]

5. PR-1423-UL044

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera] akan mencadangkan :-

"Bahawa pada hari Rabu, 17 Julai 2019, Yang Berhormat Dato' Mohamad Ariff bin Md Yusof telah mengeluarkan Petua Yang di-Pertua Dewan Rakyat menolak usul yang di bawa oleh Yang Berhormat Bera bagi merujuk Ahli Parlimen Bagan (Lim Guan Eng) ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan di bawah Peraturan Mesyuarat 36(12). Kenyataan ini merujuk kepada kenyataan Menteri Kewangan di dalam Penyata Rasmi bertarikh 7 Ogos 2018 yang berbunyi:

"Ini semua angkara Kerajaan Barisan Nasional yang rakus dan rasuah. Saya berasa sangat marah tentang perkara ini Tuan Yang di-Pertua Dewan. Ini kerana perkara ini bukanlah wang kerajaan, ini ialah wang rakyat yang dirompak dan saya tidak dapat memulangkan wang mereka sendiri. Ini satu pengkhianatan kepada rakyat Malaysia"

Dan bahawa Dewan yang mulia ini memandang serius Petua Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Rakyat di mana Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Rakyat telah menafikan hak ahli Dewan dan Usul Ketua

Pembangkang itu. Justeru, saya ingin mengusulkan satu Usul Persendirian di bawah Peraturan Mesyuarat 43, Peraturan-peraturan Mesyuarat Majlis Parlimen Dewan Rakyat agar keputusan Yang di-Pertua Dewan Rakyat itu ditimbang semula oleh Majlis Mesyuarat untuk dibahaskan di dalam mesyuarat Majlis ini."

6. PR-1423-U(27)064

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini bersetuju supaya suatu Jawatankuasa Pilihan Khas untuk isu-isu Pilihan Raya ditubuhkan untuk memastikan terdapat pemantauan yang bebas dan berterusan oleh Parlimen terhadap sistem dan proses pilihan raya di Malaysia."

[Perdana Menteri]

7. PR-1423-U(27)065

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Kerajaan supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 60 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasikan impian Malaysia."

[Perdana Menteri]

8. PR-1423-U(27)066

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Kerajaan memulihkan pilihan raya Kerajaan tempatan seluruh negara supaya urus tadbir Kerajaan menjadi lebih cekap, berakauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

9. PR-1423-U(27)067

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat digesa untuk mengambil keputusan agar Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) yang dikenakan terhadap hartanah yang diperoleh melebihi lima tahun dengan kadar lima peratus bagi rakyat Malaysia yang secara tidak langsung dianggap sebagai satu bentuk cukai Harta Warisan (*Inheritance Tax*) untuk dimansuhkan memandangkan ia adalah jenis percukaian yang membebankan rakyat dan tidak adil terhadap waris yang telah bersusah-payah mengumpulkan harta demi masa hadapan pewaris mereka."

[Menteri Kewangan]

10. PR-1423-U(27)068

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentangkan laporan mengenai tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan bagi memastikan Malaysia Airlines Berhad (MAB) kekal sebagai sebuah syarikat penerbangan milik Malaysia. Memandangkan MAB merupakan satu entiti perniagaan yang telah sekian lama menjadi kebanggaan dan maruah negara, maka adalah penting bagi rakyat Malaysia untuk mengetahui usaha-usaha penambahbaikan serta pembaharuan yang konstruktif dan menyeluruh yang dicadangkan dalam memulihkan semula masa hadapan MAB ini."

[Menteri Hal Ehwal Ekonomi]

11. PR-1423-U(27)069

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini menyeru agar Kerajaan dapat mendengar suara rakyat dan memberikan justifikasi yang kukuh mengenai cadangan projek kereta nasional ketiga yang dijadualkan pelaksanaannya pada tahun 2020. Menteri Kewangan telah memberi jaminan pada Ogos 2018 bahawa projek kereta nasional ketiga tidak akan menggunakan wang rakyat. Namun, Kerajaan mengumumkan bahawa projek kereta nasional ketiga ini telah

dianugerahkan kepada Syarikat Dream EDGE Sdn Bhd yang mana pemegang saham terbesar syarikat tersebut ialah Syarikat Venturetech Sdn. Bhd. yang dimiliki oleh Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT) iaitu sebuah syarikat milik penuh Kerajaan Malaysia. Dalam situasi ekonomi negara yang tidak menentu, projek kereta nasional ketiga bukanlah sesuatu yang perlu diberi keutamaan oleh Kerajaan memandangkan banyak lagi isu kos sara hidup dan kadar kemiskinan yang perlu diberi tumpuan khusus. Adalah disarankan agar projek kereta nasional ini ketiga dikaji semula demi menjimatkan wang rakyat."

[Perdana Menteri]

12. PR-1423-U(27)070

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Agar institusi Parlimen menetapkan supaya satu Jawatankuasa Pilihan Khas ditubuhkan bagi meneliti semua pandangan rakyat Malaysia mengenai langkah Kerajaan untuk memansuhkan hukuman mati dalam 32 kesalahan melibatkan lapan perundangan negara atau yang terkini mungkin hanya memansuhkan hukuman mandatori sahaja. Kenyataan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri bahawa pemansuhan hukuman mati akan dilaksanakan secara berperingkat ternyata telah memberikan konotasi kepada rakyat Malaysia bahawa Kerajaan sememangnya berobjektif untuk memansuhkan hukuman mati ini yang pastinya akan mendapat tentangan dari pihak keluarga mangsa. Kerajaan disarankan agar tidak membuat keputusan secara tergesa-gesa dan perlulah membentangkan sebarang keputusan kajian mengenainya menerusi Jawatankuasa Pilihan Khas di Parlimen. Sekiranya Kerajaan tidak berhasrat untuk menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas, biarlah jawatankuasa di bawah urusan Kerajaan yang mencakupi pandangan pelbagai pihak sama ada menyokong dan tidak menyokong agar satu keputusan seimbang yang mengambil kira pandangan semua pihak dapat diperoleh. Dalam semangat Malaysia Baru selepas 9 Mei, ianya menjadi satu tanggungjawab Kerajaan agar dapat menghormati pandangan setiap lapisan rakyat Malaysia terutamanya mengenai perkara memansuhkan hukuman mati yang melibatkan nyawa masyarakat. Jika pandangan rakyat ini tidak diteliti, maka Kerajaan Pakatan Harapan akan dilihat sebagai menafikan hak kebebasan bersuara mereka. Kerajaan juga perlu menyatakan pendirian dengan jelas, apakah alternatif lain yang akan diganti selepas pemansuhan hukuman mati ini dilaksanakan dan apakah ia mampu dijadikan sebagai langkah pencegahan atau sebaliknya. Kerajaan perlu sedar bahawa kejayaan mereka menjadi Kerajaan hari ini adalah disebabkan kuasa dan suara rakyat."

[Perdana Menteri]

13. PR-1423-U(27)071

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentangkan laporan penyiasatan mengenai dakwaan Pelapor Khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai kadar kemiskinan di Malaysia yang tidak realistik dan dasar serta polisi yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan bagi mengubah atau menyelaras paras garis kemiskinan di negara ini yang kini ditetapkan pada RM930 bagi negeri-negeri di Semenanjung, RM990 di negeri Sarawak dan RM1,170 untuk negeri Sabah."

[Menteri Hal Ehwal Ekonomi]

14. PR-1423-U(27)072

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memaparkan laporan khas mengenai pelaksanaan projek tambakan laut di perairan selatan Pulau Pinang (PSR) yang dirangka menerusi Pelan Induk Pengangkutan (PIP) serta mengemukakan laporan mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil daripada nasihat-nasihat oleh Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) dan ulasan jabatan teknikal yang berkaitan bagi memastikan pelaksanaan projek itu selari dengan Seksyen 2A(2)(b) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976. Berlandaskan prinsip ketelusan dan akauntabiliti, adalah menjadi keperluan kepada Kerajaan untuk mengemukakan laporan ini memandangkan projek ini memberikan implikasi yang besar terhadap alam sekitar, sosial dan kewangannya."

[Menteri Wilayah Persekutuan]

15. PR-1423-U(27)073

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi penjelasan terhadap laporan pelaksanaan Pelan Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan Malaysia di bawah Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) yang dilancarkan pada Oktober 2018 dalam memperkasakan keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia melalui pewujudan pendekatan yang bersifat lebih holistik dan inklusif yang mampu membawa kepada pemahaman yang lebih baik antara komuniti yang berbeza serta mewujudkan kesepaduan sosial dan perpaduan negara yang lebih baik. Kerajaan perlu membentangkan serta membentuk ruang perbincangan dengan segera apakah syor yang disarankan melalui pelan ini benar-benar efektif dalam mengukuhkan jalinan perpaduan di negara ini."

[Perdana Menteri]

16. PR-1423-U(27)074

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi perhatian terhadap pembangunan dan meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat Orang Asli, seperti yang termaktub dalam Janji 38, Manifesto Pakatan Harapan iaitu 'Membela Nasib Orang Asli' di negara ini. Kerajaan perlu membentangkan cadangan Pelan Pembangunan Masyarakat Orang Asli Nasional bagi menangani isu utama dihadapi masyarakat Orang Asli di negara ini dan adalah kemestian bagi Kerajaan memastikan setiap gerak kerja dan usaha pembangunan yang dilaksanakan Kerajaan terhadap Orang Asli ini adalah sejajar dengan Pendekatan Berasaskan Hak Asasi Manusia (PBHAM). Ini adalah supaya setiap program pembangunan dan kebajikan yang dirancang mampu memberi faedah yang lebih menyeluruh kepada masyarakat Orang Asli di samping tidak mengenenpikan kepentingan dan memelihara perkara asas berkaitan mereka melalui prinsip IMABT (Keizinan Berasaskan Makluman, Awal, Bebas dan Telus)."

[Perdana Menteri]

17. PR-1423-U(27)075

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Menurut laporan media Sin Chew Daily bertarikh 19 Ogos 2018, Ketua Strategi PPBM yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Penggubalan Manifesto Pakatan Harapan sebelum PRU14 telah mengumumkan bahawa semasa Buku Harapan (Manifesto PH untuk PRU14) dirangka, prasyarat untuk menilai pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersepadu (*Unified Examination Certificate*–UEC) adalah kelulusan dalam 4 mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu, Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM. "Akan tetapi, Kementerian Pendidikan setakat ini tidak pernah menjelaskan perkara tersebut yang banyak menimbulkan kekeliruan dan ianya berlainan nada dengan apa yang dijanjikan oleh Pakatan Harapan semasa PRU14, iaitu UEC dapat diiktiraf hanya dengan memperolehi kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM." "Mantan Menteri Pendidikan iaitu Ahli Parlimen Pagoh telah mengarahkan semua universiti awam tempatan untuk menambah satu syarat am bagi kemasukan ke universiti awam iaitu sekurang-kurangnya lulus dalam mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM memandangkan mata pelajaran Sejarah telah menjadi mata pelajaran wajib lulus dalam SPM. Ini bermakna tanpa lulus mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM, seseorang calon itu tidak boleh memperolehi sijil SPM. Arahan tersebut berkuatkuasa sejak tahun 2013." "Dewan ini mendesak Kementerian Pendidikan untuk menjelaskan sama ada mata pelajaran Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM masih diambil kira sebagai prasyarat pengiktirafan UEC seperti yang dikatakan. Sekiranya kenyataan itu benar, maka Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) perlu melakukan penyelarasan dasar baru bagi mengatasi kekangan syarat kemasukan pelajar UEC ke universiti awam tempatan. Kementerian Pendidikan mesti mempunyai pendirian yang jelas dalam perkara ini dan tidak boleh berdolak-dalik." "Selaras dengan manifesto Pakatan Harapan

Kementerian Pendidikan harus memberi pengiktirafan segera ke atas pelajar UEC seperti mana yang dijanjikan oleh YB Kulai merangkap Timbalan Menteri Pendidikan semasa berkempen di PRU 14 dan dalam rakaman video beliau pada 9 April 2018 yang dimuat naik ke "Youtube", di mana beliau mengatakan Pakatan Harapan sudah mempunyai "hitam putih" untuk mengiktiraf UEC sebaik sahaja Pakatan Harapan menjadi Kerajaan."

[Menteri Pendidikan]

18. PR-1423-U(27)076

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menyeru agar Kerajaan dapat meneruskan projek pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid yang telah diluluskan oleh Kerajaan pada 26 Oktober 2017, termasuk mengekalkan 10 nama sekolah baharu yang telah diluluskan." "Kerajaan sepatutnya menyiapkan projek tersebut dalam masa 5 tahun dengan peruntukan RM20 juta setiap tahun (jumlah keseluruhannya RM100 juta) seperti yang telah dijanjikan oleh Kerajaan terdahulu." "Tetapi malangnya, pelaksanaan projek tersebut agak lambat dan tiada perkembangan yang signifikan. Dengan itu, mengharapkan Dewan ini mengambil maklum perkara ini dan mendesak Kerajaan Pakatan Harapan mempercepatkan proses pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid ke kawasan yang lebih padat penduduk Cina." "Seperti yang dijanjikan oleh YB Menteri Pendidikan pada 28 Jun 2018, SJKC Kuek Ho Yao di Seri Austin, Johor Bahru dan SJKC Sim Mow Yu di Masai, Johor akan tetap didirikan memandangkan upacara pecah tanah sekolah telah disempurnakan pada tahun 2018, iaitu sebelum PRU 14. Maka, Kementerian Pendidikan sepatutnya rasa terpanggil untuk menyalurkan peruntukan sekurang-kurangnya RM7 juta untuk menanggung kos pembinaan setiap SJKC yang dinamakan di atas."

[Menteri Pendidikan]

19. PR-1423-U(27)077

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menggesa Kerajaan supaya dapat memberikan peruntukan yang sama rata kepada Ahli Parlimen tanpa mengira fahaman politik. Ini kerana, Ahli Parlimen Kerajaan di Semenanjung Malaysia telah diberi peruntukan sebanyak RM1,000,000 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM700,000 bagi peruntukan kawasan pada tahun 2018. Manakala tahun 2019, Ahli Parlimen kerajaan diperuntukkan RM1,800,000.00 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM1,500,000 bagi peruntukan kawasan. Sementara Ahli Parlimen pembangkang hanya diberikan RM100,000 sahaja bagi tahun 2018 dan tidak menerima apa-apa peruntukan untuk tahun 2019. Ini merupakan satu bentuk diskriminasi yang amat ketara." "Gesaan ini selari dengan semangat 'Malaysia Baru' dan hasrat badan bebas (NGO) seperti BERSIH yang mahu memastikan tiada istilah diskriminasi dalam negara dan semua pengundi harus dilayan dengan adil dan saksama. Malah, perkara ini juga diperjuangkan oleh pemimpin Kerajaan hari ini ketika bergelar pembangkang suatu ketika dahulu. Dalam masa sama, semangat 'Malaysia Baru' ini juga yang menuntut kesuburan demokrasi. Prinsip keadilan ini akan dijadikan sebagai penanda aras dan seterusnya diteladani oleh kerajaan negeri yang lain di Malaysia tanpa mengira parti mana yang memerintah."

[Perdana Menteri]

20. PR-1423-U(27)078

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan secara menyeluruh dan terperinci berkenaan apakah dasar luar Malaysia berkaitan Laut China Selatan. Umum mengetahui kemelut perluasan pengaruh di rantau Asia Pasifik yang menggunakan isu tuntutan bertindih di Laut China Selatan melibatkan kuasa besar iaitu Amerika Syarikat dan China serta penglibatan United Kingdom, Perancis, Australia dan Jepun telah merumitkan isu ini. Pembabitan kuasa asing ini amat membimbangkan kerana berkait dengan kehadiran kapal perang di perairan yang akan memberi kesan kepada kapal dagang dan juga sangat sensitif dari segi status geopolitik. Sebelum ini, pada Jun 2018, Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad telah menyuarakan bahawa Malaysia akan mengkaji semula Kerangka Kod Tata Laku (CoC) di Laut China Selatan antara China dan ASEAN. Ditambah pula, dengan kenyataan Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Tuan Mohamad Sabu yang menyatakan kebimbangan mengenai isu penempatan aset ketenteraan di perairan tersebut iaitu merujuk kepada tindakan yang dilakukan China. Manakala, pada Ogos 2019 beberapa Menteri Luar ASEAN melahirkan kebimbangan terhadap isu penambakan, pendudukan dan insiden serius yang berlaku di Laut China Selatan. Jika diambil kira keputusan Kerajaan berhubung pembatalan dan pergantungan beberapa projek yang melibatkan negara China sebelum ini menimbulkan pertanyaan apakah

interpretasi negara China walaupun tiada kena mengena dengan geopolitik Laut China Selatan, sedikit sebanyak menunjukkan hala tuju dasar laut negara. Selain itu, penyertaan Malaysia dalam latihan ketenteraan maritim terbesar iaitu *Rim of the Pacific Exercise* (RIMPAC) anjuran Amerika Syarikat yang secara jelas tidak mengundang tentera laut China dengan alasan kurang senang dengan tindakan China di Laut China Selatan. Penyelesaian melalui penggubalan Kod Tatalaku (CoC) yang berasaskan peruntukan UNCLOS pada ketika ini sedang diperhalusi di antara ASEAN dan China. Ironisnya China dilihat begitu berat untuk menerima peruntukan UNCLOS dalam rundingan CoC sedangkan China adalah negara ahli UNCLOS kerana China ingin menuntut berasaskan sejarah Dinasti mereka iaitu Dinasti Han, Yuan, dan Ming manakala Amerika Syarikat cuba memaksa ASEAN dan China menerima sepenuhnya penggunaan UNCLOS dalam CoC kerana UNCLOS berasaskan undang-undang. Sehubungan itu, apakah dasar dan pendirian Malaysia berhubung kehendak Amerika Syarikat yang mahukan UNCLOS dalam kerangka CoC tersebut. Pengamalan Dasar Luar Malaysia bersangkutan dengan kemelut Laut China Selatan akan berubah jika dinilai berdasarkan peristiwa yang berlaku semasa ini. Pembentangan ini amat penting untuk rakyat mengetahuinya malah pemimpin serantau dan global turut mengambil berat kerana Malaysia adalah negara utama yang terlibat dalam kemelut tersebut."

[Menteri Luar Negeri]

21. PR-1423-U(27)080

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan perancangan jangka masa panjang yang menyeluruh berkaitan pelaksanaan projek Sistem Transit Rapid (RTS) Johor-Singapura selepas hasil perbincangan di antara Menteri Pengangkutan Malaysia bersama Menteri Pengangkutan Singapura pada bulan Julai 2019. Hasil perbincangan ini amat penting untuk dibawa ke Parlimen agar Ahli Dewan Rakyat dapat mengetahui dengan jelas perancangan projek tersebut serta dapat dibincangkan secara terperinci di dalam Dewan Rakyat. Rakyat pastinya ternanti-nanti akan penjelasan tentang perancangan, kesan jangka masa panjang yang melibatkan dua negara ini. Perbincangan ini adalah amat penting untuk mengetahui secara terperinci berkenaan implikasi kewangan yang perlu ditanggung oleh Kerajaan Malaysia akibat penangguhan projek tersebut. Selain itu, pelaksanaan projek ini hendaklah tidak hanya dibincangkan dalam peringkat kabinet sahaja dan secara tertutup antara Kerajaan Malaysia dan Singapura tetapi perlu mengambil kira pandangan orang ramai yang juga bakal menikmati kemajuan fasiliti dan menggunakan kemudahan ini terutama rakyat Malaysia yang mencari rezeki bekerja di Singapura agar mereka mengetahui dengan jelas tentang pendirian Kerajaan sama ada untuk meneruskan, menangguhkan atau membatalkan projek ini."

[Menteri Pengangkutan]

22. PR-1423-U(27)081

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk memperkenalkan semula Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 seperti termaktub dalam Janji 16, Manifesto Pakatan Harapan iaitu mengembalikan wibawa institusi Parlimen. Dalam usaha Kerajaan untuk mereformasi Parlimen Malaysia, Kerajaan perlu memperkenalkan semula Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 yang telah dimansuhkan melalui seksyen 7 Akta Perlembagaan (Pindaan) 1992. Akta Perlembagaan (Pindaan) 1992 tersebut telah berkuatkuasa pada 20 November 1993. Memperkenalkan semula Akta ini dengan beberapa penambahbaikan merupakan satu konsep pengasingan kuasa yang jelas antara Badan Eksekutif dan Legislatif. Perkara ini membolehkan urusan Parlimen boleh ditadbir dan dilaksanakan oleh Parlimen sendiri. Hal ini memberi kuasa autonomi kepada Parlimen untuk menentukan keputusan dan menjadikan Parlimen sebagai satu badan bebas yang tidak terikat dengan badan Kerajaan. Sehubungan itu, apakah usaha dan perancangan Kerajaan dalam memperkenalkan semula Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 di mana pindaan Perlembagaan juga perlu berlaku serta sejauh manakah persediaan Kerajaan untuk pindaan Perlembagaan ini. Selain itu, apakah usaha Kerajaan untuk menunaikan janji-jannji manifesto Pakatan Harapan dalam mengembalikan wibawa institusi Parlimen seperti memberikan status dan peruntukan yang sama dengan seorang Menteri Persekutuan kepada Ketua Pembangkang dan pewujudan Jawatankuasa Terpilih Dewan Rakyat untuk memantau setiap Kementerian, dengan kuasa untuk memanggil Menteri dan pegawai kanan untuk memberi keterangan. Kebaikan kepada pindaan ini adalah atas usaha menjadikan Parlimen sebagai badan legislatif yang efektif dalam dunia moden. Selagi tiada Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 ini, perkara ini akan menyebabkan usaha mereformasi Majlis Parlimen akan sedikit sebanyak terencat."

[Perdana Menteri]

23. PR-1423-U(27)082

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk memperkenalkan Akta dan undang-undang baharu yang perlu diwujudkan bagi melindungi orang ramai yang terjebak dalam pelaburan mata wang digital atau kripto. Akta Mata Wang Digital atau akta baharu itu membolehkan Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Sekuriti (SC) mengambil tindakan terhadap pihak yang membuat penawaran pelaburan dalam bentuk mata wang digital. Mata wang digital atau *cryptocurrency* digunakan secara meluas bagi tujuan urusan niaga sama ada secara sah atau digunakan dalam ruang bagi pasaran gelap atas talian iaitu *darkweb*, pembiayaan keganasan

serta penggubahan wang haram. Perkara yang melibatkan mata wang digital semakin meluas dan berakar umbi di *darkweb*. Isu ini banyak mengelirukan banyak pihak terutamanya rakyat. Kerugian yang dilaporkan akibat jenayah siber mencecah RM309.67 juta bagi tempoh dari Januari hingga Julai 2019. Kerugian ini disebabkan jumlah jenayah siber semakin meningkat dan angka ini boleh memberi kesan negatif kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara. Sehubungan itu, apakah peranan Kerajaan dalam mengatasi masalah sekiranya mata wang digital ini disalah guna contohnya, sebagai kaedah pembayaran rasuah dan transaksi dalam pasaran gelap. Kerajaan juga perlu lebih proaktif menangani masalah penipuan mata wang digital ini. Akta baharu perlu diwujudkan dan akta yang sedia ada perlu ditingkatkan supaya tiada kelompongan dari sudut perundangan bagi mengelakkan penipuan dan salah laku yang melibatkan mata wang digital."

[Menteri Kewangan]

24. PR-1423-U(27)083

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan secara menyeluruh dan terperinci berkenaan laporan gangguan sistem Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang berlaku pada 21 hingga 24 Ogos 2019. Gangguan sistem tersebut berlaku selama 4 hari dan menyebabkan beberapa urusan bagi pihak lapangan terbang dan penumpang terjejas. Perdana Menteri telah menggesa pihak Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) untuk menyelidik punca sebenar gangguan sistem di KLIA, pihak MAHB telah membuat laporan polis berhubung gangguan rangkaian di KLIA dan pihak polis telah menjalankan siasatan mengikut Seksyen 427 Kanun Keseksaan. Ketua Polis Negara, Datuk Seri Abdul Hamid Bador, menyifatkan dakwaan kemungkinan wujud tindakan berniat jahat hingga menjejaskan kelancaran operasi KLIA sebagai amat serius. Sehubungan itu, Kerajaan perlu membentangkan secara menyeluruh dan terperinci berkenaan apakah punca gangguan sistem ini boleh berlaku, berapakah implikasi kewangan yang ditanggung oleh pihak MAHB, jumlah kerugian yang ditanggung oleh syarikat-syarikat penerbangan yang terlibat dan apakah langkah proaktif yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan untuk memastikan perkara ini tidak berulang kembali. Selain itu, pihak Kerajaan juga perlu membentangkan kepada Dewan Rakyat adakah gangguan sistem ini memberi kesan kepada pengiktirafan yang diterima oleh KLIA seperti Anugerah Pemasaran Laluan Asia 2018 dan pengiktirafan--pengiktirafan lain serta apakah keputusan siasatan pihak MAHB dan pihak PDRM berhubung kes ini."

[Menteri Pengangkutan]

25. PR-1423-U(27)084

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan secara menyeluruh dan terperinci berkenaan Kertas Putih Pertahanan. Kertas Putih Pertahanan tersebut dirangka mengambil kira aspek jangka pendek dan jangka panjang berkenaan dasar pertahanan negara. Ahli Dewan Rakyat dan rakyat perlu mengetahui berkenaan dasar tersebut dengan jelas dan memberikan kefahaman secara menyeluruh apakah isi kandung Kertas Putih Pertahanan tersebut. Dalam usaha mewujudkan Kertas Putih Pertahanan, Kerajaan perlu melibatkan banyak agensi dan pihak. Kementerian Pertahanan perlu bekerjasama secara rapat dengan Kementerian Luar Negeri kerana banyak melibatkan hubungan luar antara negara. Selain itu, pihak Kerajaan juga perlu melibatkan pakar dan ahli akademik dan bukan pihak Kementerian Pertahanan sahaja. Ini adalah perkara penting untuk mewujudkan perbezaan antara pembuat dengan pelaksana dasar. Aspek yang penting adalah semua Kementerian dan agensi berkaitan perlu memahami isi kandungan kertas putih tersebut kerana tugas pertahanan bukan hanya terletak kepada Kementerian Pertahanan serta tentera semata-mata tetapi rakyat juga perlu mengetahui. Sehubungan itu, dengan pembentangan Kertas Putih Pertahanan secara terperinci ini dapat menghasilkan satu pelan rangka tindakan secara spesifik berkaitan hala tuju ketenteraan dan perancangan perolehan aset bagi Angkatan Tentera Malaysia."

[Menteri Pertahanan]

26. PR-1423-U(27)085

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan mengambil langkah dalam memperkasakan institusi hal ehwal agama Islam di negara ini iaitu Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan yang mempunyai peranan utama menjadi pusat rujukan fatwa yang berwibawa dan berintegriti di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Dalam memartabatkan fatwa di Malaysia, jawatankuasa ini dilihat berperanan besar melalui pengurusan, penyelarasan dan penyelidikan namun dari segi pelaksanaan fatwa tersebut oleh pihak Kerajaan tidak konsisten dalam beberapa perkara. Isu-isu keagamaan yang berlaku seperti penyebaran ajaran sesat, fahaman liberal dan songsang serta keterbukaan yang melampau memerlukan tindakan yang sewajarnya oleh pihak Kerajaan bersandarkan kepada rujukan fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan."

[Perdana Menteri]

27. PR-1423-U(27)086

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan perancangan jangka masa panjang yang menyeluruh dalam memastikan setiap dasar dan polisi Kerajaan di semua peringkat mempunyai tahap kefahaman mengenai institusi raja atau raja berperlembagaan yang kukuh seterusnya menyemai kefahaman yang sebenar di kalangan rakyat di negara ini. Sejak kebelakangan ini banyak kekeliruan berlaku khususnya di kalangan masyarakat pelbagai latar belakang berkenaan dengan bagaimana kuasa institusi raja diamalkan dan ramai dibesarkan dengan fahaman bahawa Raja Melayu bertindak atas nasihat sebenarnya tidak memahami maksud sebenar. Perkataan nasihat itu sering disalah erti kerana perkataan dalam perlembagaan dalam versi bahasa Inggeris, kita guna "*advice*" yang membawa maksud perkara yang baik-baik. Ia adalah bertentangan kepada perkataan "*vice*". Raja juga perlu menerima nasihat yang baik-baik. Ini kerana dalam perlembagaan diberikan hak kepada raja-raja untuk meminta maklumat daripada Kerajaan tentang situasi semasa negeri. Baginda berhak. Perkara tersebut ada ditulis dalam perkara 40 (1) walaupun bertindak atas nasihat tetapi baginda mempunyai hak untuk mengetahui tentang hal ehwal semasa negeri. Selain itu terdapat polemik berkaitan istilah raja sebagai simbol. Apabila simbol, raja perlu bertindak atas nasihat tanpa mengambil kira peruntukan dalam perlembagaan yang memberikan kuasa budi bicara yang mutlak kepada raja-raja. Maknanya ada lagi ciri-ciri yang dikatakan budi bicara kepada raja itu. Dalam Perkara 181 Perlembagaan Persekutuan menyebut kedaulatan raja adalah kekal sebagaimana sebelum ini. Apabila menyatakan raja-raja itu mempunyai kedaulatan, baginda mempunyai kuasa dan kekuasaan. Perkataan kedaulatan itu menyatakan tentang ada kedaulatan, kuasa dan kekuasaan. Kalau ada kedaulatan tetapi perlembagaan tidak memberikan baginda kuasa, maka tidak ada kekuasaan dan ia tidak bererti. Tetapi, raja berperlembagaan walaupun bertindak dalam kebanyakan perkara atas nasihat tetapi ada ruang-ruang diberikan kepada baginda menerusi perlembagaan. Apabila telah mantap dengan asas kenegaraan ini, baharulah institusi raja berperlembagaan dapat difahami dengan mantap. Institusi beraja ini tidak boleh dibicarakan secara bermusim, ia perlu setiap masa dan dihayati oleh setiap rakyat."

[Perdana Menteri]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN</u> <u>2019</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
DR. 7	Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen Keempat Belas - Kerugian Pelaburan Khazanah Nasional, Khazanah Nasional Berhad di bawah Jabatan Perdana Menteri	23 Oktober 2019

****UCAPAN-UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 23.10.2019 (Rabu)	1. YB Tuan Chang Lih Kang (Tanjong Malim)	1. Penyelenggaraan Ambulans di Kementerian Kesihatan Malaysia	1. YB Menteri Kesihatan
2. 23.10.2019 (Rabu)	2. YB Tuan Mohd Shahr bin Abdullah (Paya Besar)	2. Keperluan Pelebaran Jalan Yang Sempit Serta Kerja-kerja Baikpulih Berkaitan di Laluan FT1487, Jalan Utama Bukit Goh - Bukit Kuantan, Kuantan Pahang	2. YB Menteri Kerja Raya

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**